

# DI SEKELILING PERJUANGAN MUSLIMIN INDONESIA

## 10 TAHUN MASYUMI



Tidak dapat dimungkiri, bahawa Islam yang menjadi pedoman hidup bagi puluhan *million* dari bangsa kita semenjak berabad-abad sampai sekarang telah mencetuskan dalam kalbu pemeluknya api tauhid. Tauhid, keimanan kepada Tuhan yang Maha Esa. Keimanan yang membebaskan jiwa manusia dari segala macam belenggu, tahyul dan syirik. Menimbulkan dalam jiwa bangsa kita harga diri, membebaskannya dari segala macam bentuk penyakit rasa rendah diri dan jiwa kecil". Kata Tuan Mohamad Natsir Ketua Umum Masyumi dalam huraianya mengenai dasar perjuangan umat Islam Indonesia hari ini. Huraianya yang lanjut adalah seperti berikut - P. Q.

(oleh Mohamad Natsir)

Hari ini, Masyumi sudah berumur 10 tahun. 7 November 1945 Masyumi menjelaskan tekadnya dalam penjelasan anggaran dasarnya pada waktu itu dengan perkataan yang sederhana: "Masyumi bertujuan menegakkan Republik Indonesia dan agama Islam".

Riwayat telah membuktikan, bahawa kata-kata yang sederhana itu tidaklah tinggal jadi bunga bibir bagi keluarga Masyumi tua muda, lelaki perempuan.

Menegakkan Republik Indonesia menghadapi musuh dari luar, baik dengan senjata yang sederhana-sederhananya, dengan bambu runcing, sampai kepada senjata api yang direbut dari persenjataan tentera Jepun.

Menegakkan Republik Indonesia dalam lapangan percaturan diplomasi yang berlaku silih berganti dengan peperangan gerila.

Menegakkan Republik Indonesia dari tekanan kawan yang sering yang hendak menghancurkan republik dari dalam.

Menegakkan Republik Indonesia, tepat benar pada waktunya yang gelap, dalam taraf-taraf perjuangan kemerdekaan.

Menegakkan Republik Indonesia, dengan senjata diplomasi di atas papan catur international, silih berganti dengan senjata gerila.

Sehingga terciptalah pengakuan dunia atas kedaulatan Republik Indonesia, dan terpuhlah pula Republik Indonesia sebagai negara kesatuan.

Tidak Pernah "Absent"

Sesaat pun tidak kami hendak mengurangi nilai yang semestinya terhadap saudara-saudara kami sebangsa yang bersama-sama bersanding bahu melakukan tugas kewajiban dalam kancah revolusi kemerdekaan ini.

Kami mengingatkan yang demikian itu, keluarga Masyumi khususnya dan bangsa kita pada umumnya, bahawa kata-kata ikrar: "Menegakkan Republik Indonesia

itu” bukanlah merupakan semboyan yang melayang semata-mata.

Bahawa kata ikrar itu telah sedang, dan terus kami tebus dengan kekuatan akal, dengan jiwa: masing-masing sesuai dengan ruang dan waktu dan tuntutan perjuangan itu sendiri.

Tidaklah ada satu saat dalam perjuangan menegakkan Republik Indonesia di mana Masyumi beserta keluarganya yang “*absent*” apabila sahaja perjuangan memanggil untuk keselamatan Republik Indonesia.

Ini dapat dikatakan oleh seluruh keluarga Masyumi dengan hati nurani yang tenang, bebas dari rasa ‘ujub dan takbur.

Ini dapat dibenarkan oleh tiap-tiap orang yang suka meneliti perjalanan riwayat dengan kejujuran.

Kecuali apabila orang, kerana maksud-maksud yang tertentu, sudah menjadi tabiatnya, untuk memalsukan perjalanan riwayat.

#### Nilai Masyumi

#### Atas Republik Indonesia

Dengan tegas tafsir asas Masyumi mengatakan bahawa Republik Indonesia yang diisytiharkan pada 17 Ogos 1945 dan telah dipertahankan kedaulatannya dengan usaha bersama-sama pula sampai percaya pengakuan dunia atas kedaulatan pada 27 Disember 1949 adalah kurnia Ilahi atas jihad perjuangan bangsa Indonesia.

#### Republik Indonesia Kurniaan Ilahi!

Perlu rasanya kita sama-sama ketahui bahawa apabila kami sebagai Muslimin dan Muslimat menganggap Republik Indonesia sebagai suatu ‘kurnia Ilahi’, maka yang demikian itu istilah yang dipakainya itu bukanlah semata-mata menggambarkan satu penilaian kebendaan atas sesuatu hasil perjuangan yang sudah dicapai akan tetapi pula

melukiskan satu hubungan rasa dan perasaannya terhadap Republik Indonesia.

#### Rasa Cinta dan Rasa Khidmat

Kami terima Republik Indonesia sebagai hasil jihad dengan syukur nikmat, ertinya: Kami terima Republik Indonesia sebagai hasil perjuangan dengan segenap kelemahan dan kekuatan yang ada di dalamnya.

Kami teruskan perjuangan menambah yang kurang, menyempurnakan mana yang belum sempurna, mengutamakan mana bahagian yang lemah.

Kami lindungi dia terhadap nafsu angkara marak siapa saja yang hendak merosakkannya dari luar atau pun dari dalam.

Dengan segenap kekuatan yang ada pada kami dengan tulus ikhlas. Itu ertinya menerima Republik Indonesia sebagai kurnia Ilahi.

Tidak dapat dimungkiri, bahawa Islam yang menjadi pedoman hidup bagi puluhan *million* dari bangsa kita semenjak berabad-abad sampai sekarang telah mencetuskan dalam kalbu pemeluknya api tauhid. Tauhid, keimanan kepada Tuhan yang Maha Esa. Keimanan yang membebaskan jiwa manusia dari segala macam belenggu, tahyul dan syirik. Menimbulkan dalam jiwa bangsa kita harga diri, membebaskannya dari segala macam bentuk penyakit rasa rendah diri dan jiwa kecil.

Maka tak dapat disangkal dalam perkembangan tanah air dari abad ke abad, tauhid yang disampaikan oleh umat Islam dalam kalbu bangsa kita setiap masa merupakan satu sumber tenaga yang tidak khali dari menggerakkan pahlawan-pahlawan bangsa kita memberontak terhadap penjajahan.

#### Islam dan Penjajahan

Islam dan penjajahan adalah dua perkara yang pada tabiatnya sudah tidak dapat bersatu.

Oleh kerana Islam itu pada tabiatnya adalah merupakan satu cetusan revolusi menghapuskan kezaliman, menghapuskan penindasan manusia oleh manusia, dengan bentuk penjajahan imperialisme atau bentuk apa pun juga.

Rugilah bangsa dan negara kita apabila pemuka-pemuka dan pemimpin-pemimpin bangsa tak bersedia memahami hakikat dan tabiatnya api tauhid dan memperluaskannya sesudah dipakai, sebagai puntung yang dianggap padam lalu melemparkannya ke belakang dapur. Kalau-kalau ada angin yang datang meniup, apinya bangkit menggelojak tiba-tiba dengan segala akibat yang menyedihkan ...

Islam adalah pada tabiatnya satu revolusi. Menghapuskan cara berniaga yang sewenang-wenang, cara diktator. Ia meletakkan dasar susunan bernegara, yakni atas dasar mesyuarat. Ia menjunjung akan nilai-nilai keperibadian tiap-tiap orang, menentang tiap-tiap yang bersifat pengacau dan tidak berdisiplin.

Islam pada tabiatnya satu revolusi menghapuskan kemelatan dan kemiskinan, dan meletakkan dasar bagi masyarakat hidup berdasarkan keseragaman, bukan atas dasar: Siapa kuat siapa hidup, siapa lemah siapa mati.

Islam adalah pada tabiatnya satu revolusi menghapuskan dua macam taksu bangsa yang dinamakan *asabiyyah jāhiliyyah*. Saya tegaskan menghapuskan taksu bangsa, *asabiyyah jāhiliyyah*, kebangsaan yang sempit, yang merupakan semacam kutuk dalam hidupnya peri kemanusiaan, juga dalam dunia “moden” abad kedua puluh ini.

Terhadap bangsa dan suku-suku bangsa, jauh daripada menghapuskan bangsa dan suku bangsa, Islam malah meletakkan dasar-dasar yang sihat bagi hidup suburnya bangsa dan suku bangsa atas dasar taaruf (berkenal-kenalan - P.) dan harga-menghargai, memberi dan menerima -

dan dengan demikian menentang faham kolonialisme dan imperialisme.

#### Kesatuan yang Kukuh

Masyumi khususnya dan umat Islam umumnya dengan demikian dalam perjuangan seterusnya ingin meletakkan dasar kesatuan yang kukuh bagi bangsa sebagai keseluruhan. Dari Sanyang sampai Kemarauki, dasar hidup yang sihat bagi suku-suku bangsa kita yang hidup bertaburan dalam ribuan pulau di tanah air.

Kami dalam perjuangan kami ingin melihat bangsa kita mengembangkan peribadinya dan kebudayaannya atas dasar yang sihat, dan menyombongkan hasil kebudayaannya dan kecerdasannya ke dalam lingkungan kebudayaan dunia yang luas. Kita sebagai bangsa tidak ingin hidup ibarat katak di bawah tempurung, penuh rasa congkak (bongkak) dan sombong.

Kita ingin membawa bangsa Indonesia dengan keperibadiannya, ke tengah gelanggang dunia *international* bebas dari segala anasir perasaan rendah diri, sebagai salah satu anggota dari kekeluargaan bangsa-bangsa yang terhormat dan layak mendapat penghargaan yang sewajarnya.

Kami sebagai muslim berkata, wahai bangsa Indonesia, kembangkanlah kemampuanmu dalam segala lapangan. Rasakanlah nikmatnya menjadi anggota dari bangsa Indonesia yang dikurniai Tuhan dengan tanah air yang kaya-raya dan indah permai.

#### Jangan Khuatir

Jangan khuatir Islam akan melarang melagukan lagu Indonesia Raya. Silakan sama-sama lagukan, nyanyikan, kumandangkan lagu Indonesia raya itu pada saat-saat dan tempat yang layak untuk melagukannya.

Peliharakan diri daripada penyakit kebangsaan yang sempit,

salah satu sumber bala keruntuhan bangsa-bangsa di dunia.

Dalam pada itu tak ada alasan bagi orang untuk bersempit dada sehingga tidak dapat membiarkan dan menghormati kegemaran orang lain untuk melakukan marhaban atau lagu apa pun juga dalam masa lapang dan pada saat dan tempatnya sebagai salah satu dari anasir kebudayaan pula.

Islam adalah pada tabiatnya satu pemberontakan menghapuskan taksab keagamaan.

Dan kalau kami berkata, bahawa kami dalam perjuangan kami ingin menjamin kemerdekaan beragama, maka yang demikian itu adalah terbit dari satu ajaran yang tegas, yakni kewajiban yang dipikulkan oleh ajaran Islam supaya cergas memperjuangkan kemerdekaan beragama, kemerdekaan menyembah Tuhan yang Maha Esa, bukan sahaja bagi kaum muslimin, bukan dalam masjid-masjid sahaja, tetapi bagi tiap-tiap penyembah Tuhan sama ada di gereja atau lain-lain tempat ibadat. Yakni berjuang melindungi kemerdekaan menyembah Tuhan itu apabila perlu dengan mempertaruhkan jiwa! Begitu ajaran Islam.

Kami ingin dalam perjuangan kami meletakkan dasar keragaman hidup beragama. Kami dalam hal ini berpedoman kepada sunnah pimpinan pemberontakan besar Muhammad (sallā Allah 'alayhi wa sallam) yang dengan tegas berkata kepada warga negaranya yang tidak beragama Islam, tetapi beragama Kristian dan Yahudi:

“Wahai ahli kitab, aku diperintah berlaku adil terhadapmu, bagimulah agamamu, tak ada persengketaan agama antaramu dengan kami, Allah akan menghimpun kita semua, kepada Allah jua kita semua kembali”.

Atas dasar inilah dan dengan ruh inilah kami memahamkan dan memperjuangkan dasar kemerdekaan beragama itu.

Dan apabila kita keluarga Masyumi berkata, bahawa kita bertujuan “melaksanakan ajaran Islam dalam hidup orang perseorangan, masyarakat dan Negara Republik Indonesia” dengan mengharapkan keredhaan Ilahi - maka itulah dasar-dasar pokok dari ajaran Islam yang hendak kami laksanakan itu. Yang kesemuanya itu adalah merupakan sendi bagi pembangunan dan pembinaan bangsa dan tanah air kita:

Negara Republik Indonesia,

- Di mana negara melakukan keluasaan atas dasar mesyuarat dengan perantaraan wakil-wakil rakyat yang dipilih.
- Di mana kaedah-kaedah kedaulatan rakyat, kemerdekaan, persamaan, tasāmuḥ (lapang dada), keadilan social yang diajarkan oleh Islam terlaksana sepenuhnya.
- Di mana kaum muslimin mendapat kesempatan untuk mengatur peri kehidupan peribadi dan masyarakatnya sesuai dengan ajaran hukum Islam.

Di mana golongan keagamaan lainnya memiliki kemerdekaan untuk menganut dan mengamalkan agamanya serta mengembangkan kemerdekaannya. Di mana bagi segenap penduduknya dari segenap lapisan dapat hidup.

Atas dasar keseragaman, terjamin baginya hak-hak asasi manusia yang termasuk di dalamnya keadilan di lapangan social, ekonomi dan politik, kemerdekaan berfikir dan mengeluarkan pendapat, kemerdekaan menganut dan mengamalkan agama, satu dan lainnya tidak bertentangan dengan undang-undang negara dan susila.

(sambungan pada muka 41)

(sambungan dari muka 13)

Hanya Dapat Ditumbuhkan

## Dalam Ketertiban dan Keamanan

Cita-cita yang luhur dan suci ini, hanya dapat ditumbuhkan dalam ketertiban dan keamanan. Kekacauan tak dapat tidak mengakibatkan pemborosan tenaga, harta dan jiwa, dan tidak dapat dipertanggungjawabkan.

Kekacauan membawa semua usaha dan ikhtiar ke jalan buntu dan keruntuhan seluruhnya. Oleh kerana itu, kita menolak tiap-tiap usaha dari pihak mana pun juga yang mengakibatkan kekacauan dan kelumpuhan negara serta alat-alatnya.

Kalau kami berkata, bahawa kami memperjuangkan ajaran Islam supaya terlaksana dalam peri hidup dan kehidupan perseorangan, masyarakat dan negara Republik Indonesia, mungkin ada orang yang bertanya dalam hatinya apakah gerangan Masyumi mengingini negara teokratis?

Susahnyalah, tidaklah kita mengerti benar apa gerangan yang dimaksud dengan negara teokratis itu. Apakah barangkali seperti di Inggeris umpamanya, di mana hidup umat Kristian yang mempunyai agama negara dan Raja Inggeris ialah kepala dari gereja Anglikan dan pelindung agama, sehingga upacara gereja dan keagamaan mengambil tempat yang khas dalam pelbagai peristiwa negara? Atau apakah gerangan seperti negeri Belanda yang telah menetapkan dalam undang-undang dasarnya, bahawa raja mestilah orang penganut faham Kristian Protestan? Kalau yang demikian itu yang dinamakan negara teokratis, kenapa kita tidak pernah mendengar syarat yang demikian terhadap negara tersebut.

Tetapi biarlah kita tidak sangat menimbulkan banyak pertanyaan lagi yang susah menjawabnya.

Yang perlu kami tegaskan ialah:

Dalam Islam ada ahli-ahli agama yang disebut ulama'.

Mereka itu adalah guru dari pelbagai cabang ilmu agama, iaitu fuqaha' dan guru-guru hukum Islam, yakni yang menghadapi soal-soal khas mengenai ibadat, perkahwinan dan warisan. Tetapi mereka tidak diangkat sebagai pendeta dengan upacara agama oleh orang-orang besar pemerintah atau orang-orang besar agama. Mereka tidak lebih hanyalah imam, pemimpin solat. Adanya imam sebagai suatu jawatan rasmi, khas untuk melakukan pekerjaan itu, tidak ada dalam Islam. Imam itu hanya satu jawatan berdasarkan kebolehan untuk menyelenggarakan ibadat, bukan satu jawatan rasmi.

Lebih nyata lagi, bahawa tidak ada kependetaan dalam Islam ialah kerana dalam Islam tidak ada "gereja" dalam erti satu badan yang bekerjasama, tetapi berdiri dan terpisah dari negara.

## Hidupnya Sehari-Hari Seorang Muslim

Dalam Islam, seorang Muslim dalam hidupnya sehari-hari, baik mengenai soal diri mahu pun soal hubungannya dalam masyarakat atau negara tidak mungkin dapat melepaskan keislamannya itu dalam tiap-tiap tindakannya dan dengan demikian jiwa atau kehendak agama jadi dan harus meresap di seluruh lapisan masyarakat. Yang demikian adalah jauh sekali dari apa yang dinamakan teokratis itu.

Maka kalau kami berkata begini, tidak satu pun pula dari sila-sila yang tercantum dalam Pancasila yang akan tersinggung atau terlanggar. Tentang ini sudah cukup kiranya kami menjelaskannya. Ringkasnya, tidak seorang Muslim atau Muslimah yang ingin membahayakan hidupnya sila "Ketuhanan yang Maha Esa", sila "Kebangsaan yang Bulat",

sila “Keadilan Sosial”, sila “Peri Keinsanan”. Semua itu adalah sebahagian daripada ajaran-ajaran Islam yang diperjuangkan oleh Masyumi.

Maka kerana itu, saya berseru dengan tidak putus-putusnya janganlah kiranya Pancasila dijadikan alat untuk menentang sila-sila dan ajaran-ajaran Islam, yang pokok-pokoknya sudah kami terangkan tadi. Semuanya itu ialah cara hidup dan kehidupan bagi negara dan segenap penduduk negara dengan tidak ada tindasan atau pilih bulu.

Itulah ajaran-ajaran atau dasar-dasar yang besar, dan bagi kita muslimin dasar kita hidup dan dasar kita mati.

*‘Alaihā nahyā wa ‘alaiha namūt*

Telah 10 tahun umurnya Republik Indonesia. Sepuluh tahun pula umurnya Masyumi sebagai alat perjuangan umat Islam di Indonesia. Bukti yang nyata ialah, bahawa sejarah Republik dan sejarah Masyumi berjalan berkelindan, tak dapat dipisah-pisah.

Kita meneruskan revolusi yang telah kita mulai, revolusi yang berjalan terus, walaupun bentuk dan maklumatnya kepada orang ramai, dari taraf ke taraf berbeza dan berlainan tata dan gayanya menurut ruang dan waktu. Kita meneruskan meletakkan dasar-dasar yang sihat bagi kehidupan negara dan bangsa kita seterusnya yang insya-Allah, dalam waktu yang dekat di hadapan kita akan dapat kita mulai.

Bukan Mengulangi

Kita meneruskan revolusi. Bukan mengulangi revolusi, dengan membalikkan putaran jarum dan bertindak sebagaimana kita pada permulaan revolusi itu, dengan segala gaya dan caranya. Yang demikian itu bukan bererti meneruskan revolusi. Janganlah ibarat orang menghasta kain sarung.

India telah berevolusi. Dia meneruskan revolusinya. Burma telah berevolusi dan Burma meneruskan revolusinya. Pakistan telah berevolusi dan Pakistan sedang meneruskan revolusinya. Meneruskan revolusi dengan kerja keras, menitiskan keringat, tidak kenal susah sukar, meletakkan dasar pembinaan kemakmuran rakyat, lahir dan batin dengan cara tertib dan teratur.

Kita, sudah terlampau lama kita menerawang di wayang-wayang dengan slogan-slogan yang kosong dan penghamburan tenaga dan waktu yang percuma.

Maka sudah datang saatnya kita menyusuli waktu yang sudah terlepas dan memulai satu perjuangan meneruskan jihad *akbar*, meneruskan revolusi dengan berusaha sekuat tenaga menunaikan janji pimpinan kepada rakyat yang sedang berevolusi, yakni janji untuk memberikan kesempatan hidup kepada rakyat dan bangsa kita keseluruhannya dalam negara yang selamat, adil dan makmur, diliputi keredhaan Ilahi, *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafūr*.

Kepada seluruh keluarga Masyumi, saya berseru: Mari, mari kita teruskan perjuangankita menurut *khuffah* yang sudah ditetapkan bersama dengan tidak ada ragu-ragunya.

*“Fī sabīlihā mujāhid, wa ‘alaihā nulqiyā Allah”*